

ADAKAN LATIHAN BENTUK PERIBADI PELAJAR - PM

KUALA LUMPUR 20 Feb. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** mencadangkan supaya institusi - institusi pengajian tinggi memasukkan latihan peribadi dalam kursus pengajian ke arah membentuk peribadi pelajar yang mampu menghadapi cabaran masa kini.

Perdana Menteri berkata, bagi pembentukan peribadi ini perlu supaya mereka dapat bertindak dengan usaha sendiri jika apa yang dirancangan tidak seperti yang dijangka.

Berucap di majlis Malam Kiambang Bertaut anjuran Persatuan Bekas Pelajar - Pelajar Institut Teknologi MARA (ITM) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini beliau berkata, perlu ada latihan sifat - sifat seperti sanggup menghadapi cabaran, tabah, jujur, ikhlas, tidak anggap diri terlalu tinggi dan bongkak bagi individu dalam menghadapi cabaran.

Tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, sifat - sifat tersebut perlu untuk berjaya dalam menghadapi cabaran hidup terutama dalam zaman moden sekarang.

Perdana Menteri berkata, masa dahulu kelulusan pusat - pusat pengajian tinggi hanya menganggap untuk mendapat kerja dan mungkin pencen hingga mati sebagai hak mereka.

Sebaliknya, ujar beliau, masa sekarang ramai yang berkelulusan tinggi termasuk mereka yang menjadi doktor falsafah tidak mencapai kebahagiaan hidup yang diharapkan.

“Bila hak kita sudah tiada, kita terpaksa menghadapi cabaran yang tidak diduga

ini,” katanya.

“Saya bangga para lulusan ITM dan pusat - pusat pengajian tinggi yang lain dari kalangan bumiputera yang dapat mengatasi dan menghadapi masalah ini, walaupun mereka tidak dilatih dalam bidang - bidang tertentu,” tegas beliau.

Bagaimanapun, ujarinya,

ramai juga kalangan lulusan pusat - pusat pengajian tinggi yang tidak dapat menghadapi cabaran itu kerana mereka bersikap menunggu tanpa sebarang usaha mengatasinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan sifat - sifat peribadi yang tinggi perlu dilengkapkan oleh individu

masyarakat bagi menghadapi cabaran hidup.

Ini adalah kerana tidak adanya sifat - sifat tersebut, ramai yang beranggapan tindakan kerajaan menekankan pelaksanaan disiplin dalam perkhidmatan sebagai robot,” ujar beliau.